

Ahli Parlimen perlu sokong lahir generasi bebas rokok

Pelbagai pihak mahu Rang Undang-Undang dilulus tanpa kompromi

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Usaha Kementerian Kesihatan (KKM) melindungi generasi muda negara ini daripada amalan merokok melalui Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 mendapat reaksi positif masyarakat awam.

Rata-rata mereka mengakui kepentingan akta yang ingin diwujudkan itu dari segi kesihatan, lantas percaya barisan Ahli Par-

limen wajar menyokong RUU yang dibacakan kali pertama oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin di Dewan Rakyat, pada Rabu lalu.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata wakil rakyat perlu melihat isu rokok dari sudut kesihatan memandangkan kerajaan membelanjakan RM6.2 bilion bagi merawat pesakit akibat rokok, berbanding nilai kutipan cukai produk tembakau yang hanya RM3 bilion pada 2020.

"Atas sebab itu, saya harap Ahli Parlimen dapat menyokong RUU itu kerana ia langkah yang tepat, apatah lagi ia sudah lama ditunggu berikutan masalah rokok adalah sesuatu yang serius.

"Selepas pembentangan RUU, mereka boleh mendapat penjelasan, berbahas dan mengemukakan cadangan supaya usaha menamatkan generasi perokok itu dapat dilaksanakan," katanya

kepada *BH*, semalam.

Rabu lalu, Khairy membentangkan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang menyasarkan untuk mewujudkan generasi bebas amalan merokok termasuk rokok dan vape bagi mereka yang lahir pada 2007 dan selepasnya atau dikenali generasi penamat (GEG).

ia antara lain memperuntukkan larangan individu kelompok GEG itu daripada merokok, membeli atau memilik produk tembakau atau peranti merokok.

Hapus tabiat merokok

Bagi penuntut universiti, Nur Aliah Zairol, 22, Ahli Parlimen perlu mengetepikan kepentingan peribadi terutama yang bergelar perokok demi melindungi kesihatan generasi muda.

"Ia (RUU) permulaan kepada usaha menamatkan tabiat merokok, jadi ia wajar diluluskan tanpa kompromi kerana mero-

kok bukan satu tabiat yang baik.

"Sebagai rakyat, saya harap majoriti Ahli Parlimen akan menyokongnya kerana ia untuk kebaikan kesihatan umum, menghentikan generasi perokok dan mewujudkan masyarakat sihat serta bebas nikotin," katanya.

Pembantu makmal, Nurul Sya-fiqah Ishak, 26, pula berkata rakyat menaruh harapan besar untuk melihat satu penguatkuasaan undang-undang yang melindungi kebajikan kanak-kanak kerana rokok serta produk tembakau terbukti memudaratkan.

"Ahli Parlimen patut menggunakan kuasa kerana bilangan perokok baharu terutama generasi muda menunjukkan peningkatan lebih tinggi berbanding angka kematian akibat merokok.

"Malah daripada kajian dan laporan kesihatan, perokok memang mempunyai komplikasi penyakit termasuk berisiko menghidap kanser," katanya.

"Saya harap Ahli Parlimen dapat menyokong RUU itu kerana ia langkah yang tepat, apatah lagi ia sudah lama ditunggu berikutan masalah rokok adalah sesuatu yang serius"

Lee Lam Thye,
Pengerusi Ikatan
Komuniti Selamat



Pemandu lori, D Deverajan, pula mengakui ramai perokok dewasa mengalami ketagihan dan tabiat itu sukar dihentikan kerana berlarutan sekian lama.

"Saya nampak ia (RUU) peluang terbaik untuk mengubah masa depan generasi kita menuju sasaran bebas rokok dan vape dan kini, nasib generasi masa depan kita berada di tangan Ahli Parlimen," katanya.

Bagi warga emas, Muhammad Rashid Mohd Saad, 70, pengharan rokok sepatutnya dikuatkuasakan kepada semua peringkat umur kerana amalan itu membahayakan kesihatan.